

Prinsip satukan rakyat, kunci utama keamanan Malaysia

Kuala Lumpur: Prinsip Rukun Negara perlu menjadi pegangan setiap rakyat Malaysia kerana ia kunci utama kepada keamanan dan keharmonian negara yang terdiri daripada kepelbagaian etnik, agama serta budaya.

Penghayatan terhadap Rukun Negara bukan sahaja dapat menyatupadukan rakyat negara ini, malah akan memacu Malaysia menjadi sebuah negara maju dan antara yang terbaik di dunia.

Komandan Pusat Latihan Polis (PULAPOL) Kuala Lumpur, Senior Asisten Komisioner Datuk Shamsudin Mat, berkata prinsip Rukun Negara perlu dihormati dan dijadikan panduan kehidupan oleh rakyat Malaysia terutama sekali anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang bertugas menjaga keamanan negara.

"PDRM sebagai agensi keselamatan negara menerapkan sebaik mungkin penghayatan prinsip Ru-

kun Negara dalam diri anggotanya dan ia dimulakan sejak mula rekrut berada di PULAPOL.

"Sebagai pendukung kepada prinsip keempat Rukun Negara iaitu Kedaulatan Undang-Undang, saya percaya penghayatan Rukun Negara adalah perlu dalam memastikan keharmonian negara terus terjaga," katanya ketika ditemui *BERNAMA* baru-baru ini.


Rukun Negara mengandungi lima prinsip iaitu Kepercayaan ke-

pada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-Undang serta Kesopanan dan Kesusilaan.

Ia diisytiharkan pada 31 Ogos 1970 oleh Yang di-Pertuan Agong keempat, Almarhum Tuanku Ismail Nasiruddin Shah, yang bertujuan memperkukuh dan mengembalikan perpaduan kaum di Malaysia susulan peristiwa 13 Mei 1969.

"Sebagai negara Islam, Malaysia memilih Kepercayaan kepada Tuhan sebagai prinsip pertama Rukun Negara. Mengapa? Ini kerana setiap agama mendukung nilai yang baik.

"Tidak ada agama dalam dunia ini yang kepercayaannya melakukan jenayah itu satu kebaikan," katanya menambah rakyat Malaysia kini boleh hidup aman damai meskipun berbeza anutan agama.



Hasni merasmikan Penghayatan Rukun Negara Sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-50 Rukun Negara dan Sambutan Hari Kebangsaan Ke-63 Peringkat Johor, semalam. (Foto BERNAMA)

Usaha budaya lima prinsip Rukun Negara

Syor wujud KRN, SRN di semua sekolah, IPT seluruh negara

Oleh Nurul Amanina Suhaini
bhnews@bh.com.my

Iskandar Puteri: Kerajaan menyasarkan mewujudkan Kelab Rukun Negara (KRN) dan Sekretariat Rukun Negara (SRN) di semua sekolah, termasuk institusi pengajian tinggi (IPT).

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique, berkata sehingga kini, terdapat 6,621 KRN seluruh negara yang membabitkan keahlian pelajar sekolah rendah, menengah serta sekolah jenis kebangsaan sejak ia ditubuhkan pada 2004

Katanya, SRN yang ditubuhkan

sejak 2008 pula setakat ini disertai 172 universiti awam (UA) dan institut pengajian tinggi swasta (IPTS).

"Kita (kementerian) perlu terapkan supaya gerakan untuk membudayakan pengamalan berdasarkan kepada lima prinsip Rukun Negara itu dihayati pelajar.

"Bagi kepada pelajar untuk mencadangkan aktiviti atau program, bagi mereka koordinasi program supaya ada rasa tanggungjawab kepada negara di samping meningkatkan lagi kefahaman rukun negara itu.

"Jumlah ini tidak cukup. Kita nak pastikan semua sekolah ada KRN, kita nak pastikan semua IPT ada SRN. Maka dengan itu kementerian sedang menggerakkan usaha bersama pihak berkaitan bagi menjayakannya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas program Penghayatan Rukun Negara Sempena Sambutan Ulang Tahun ke-50 Rukun Negara dan Sambutan Hari

Kebangsaan ke-63 Peringkat Johor, yang disempurnakan Menteri Besar Johor, Datuk Hasni Mohammad, di Kota Iskandar, dekat sini, semalam.

Sementara itu, Hasni dalam ucapannya berkata, penghayatan terhadap prinsip Rukun Negara tidak harus berakhir di situ, sebaliknya terus dijadikan panduan dalam memperkasakan pembangunan sebuah negara bangsa Malaysia.

"Dalam konteks perpaduan di Johor, saya menyeru supaya kita (rakyat) sentiasa berpegang dengan prinsip Muafakat Itu Berkat iaitu berlandaskan semangat persefahaman, bermusyawarah, hormat-menghormati dan saling bekerjasama antara satu sama lain.

"Jadikan 'Perpaduan sebagai suatu Kebiasaan', sematkan perpaduan di hati kerana dari hati kita akan menzahirkannya dalam setiap tindakan, sekali gus boleh menyatukan kita semua tanpa mengira jurang agama, bangsa dan budaya," katanya.

Aspire to meet Rukun Negara goals, says Anas

By ZAKIAH KOYA
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: The Rukun Negara is not a mere oath but is something that points to where the nation should aspire to be, says moderation advocate Anas Zubedy.

He pointed out that the Rukun Negara encompassed the whole Federal Constitution, and in the full charter, in the part just before the five pillars which Malaysians recite every day, the aspirations were spelt out.

"It is great that the government has finally decided to bring the Rukun Negara to the forefront this National Day, 50 years after it was crafted. The Rukun Negara, which is above all religious or political groups, should be the key performance index to which our leaders are held to. In any business, to reach success, one must have clarity of goals.

"The five areas of goals – unity, democracy, fairness and equitability, liberalism and progressiveness – are all in the Rukun Negara," said Anas, who recently produced a video on *Cita-cita Rukun Negara* (Aspirations of Rukun Negara).

The video, posted on his Instagram account, was created last year as part of his two-decade-long campaign in promoting the Rukun Negara.

The ambitions of Rukun Negara are: Achieving a more perfect unity among the

“

It is great that the government has finally decided to bring the Rukun Negara to the forefront this National Day, 50 years after it was crafted. The Rukun Negara, which is above all religious or political groups, should be the key performance index to which our leaders are held to.

Anas Zubedy

”

whole of her society; preserving a democratic way of life; creating a just society where the prosperity of the country can be enjoyed together in a fair and equitable manner; guaranteeing a liberal approach towards her rich and varied cultural traditions; and building a progressive society that will make use of science and technology.

"Looking back, we Malaysians have done fairly well – although we could do better – in achieving some of these goals in the Rukun Negara. Yet, there is a need for us to do it more consciously as set out in the Rukun Negara," said Anas.

He pointed out that we now have a practical democracy and better income equitability, as poverty is being eradicated.

"As for achievements in science, in the 1970s, we had 60% of students in Science stream and 40% in Arts stream. Now, we have STEM education (covering the disciplines of science, technology, engineering, and mathematics)," said Anas, adding that one important word that stood out in the aspirations of the original charter is the word "liberal".

"The elephant in the room among the aspirations of the Rukun Negara is 'liberal'. Liberal has a bad connotation among certain groups in Malaysia. What it means here is that one should be open-minded, more accepting and more tolerant of others," said Anas, who emphasised that the Rukun Negara must be turned into a battle cry for the Malaysian masses to live by.

"Leaders and politicians should be evaluated based on what they have achieved in the goals of the Rukun Negara, just as we evaluate corporate leaders using certain tools to see if they have achieved the objectives of the companies."